

Headline	Ramai lulusan agama jadi calon		
Date	23. Feb 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	13
Section	Nasional	Article Size	668 cm ²
Circulation	217991	Frequency	Daily
Readership	762968	Color	Full Color



Mohd Afandi Yusof



Dr Asraf Wajdi Dusuki



Datuk Dr Ramzi Mohd Zubir



Mohd Nizar Zakaria

Ramai lulusan agama jadi calon

Bukti perjuangan syiar Islam dilaksana kerajaan meliputi semua aspek pembangunan

BARISAN kepemimpinan daripada golongan berlatar belakang pendidikan agama penting bagi mendokong hasil kerajaan melahirkan modal insan berkualiti dalam program pembangunan negara serta memastikan 10 prinsip Islam Hadhari dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Berdasar kepada keperluan itu, lebih ramai calon memiliki kelulusan dalam bidang agama diketengahkan sebagai muka baru pada pilihan raya umum kali ini bersama wakil rakyat sebelum ini yang dikekalkan.

Antara muka baru diperkenalkan Barisan Nasional (BN) di Kelantan ialah Mohd Afandi Yusuff, calon Parliment Rantau Panjang, yang berkelulusan bidang Syariah dan Pengajian Islam dari Universiti Jordan dan pernah bertugas di Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Kementerian Penerangan Malaysia.

Seorang lagi muka baru ialah Penyelaras Program Institut Kewangan dan Perbankan Islam Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Dr Asraf Wajdi Dusuki yang akan bertanding di Parliment Tumpat, juga penceramah yang kian popular dalam program keagamaan di televisyen.

Muka baru diperkenalkan BN Terengganu, Datuk Dr Ahmad Ramzi Mohamad Zubir bagi Parliment Marang memulakan pengajian peringkat diploma di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (kini dikenali sebagai Universiti Darul Iman Malaysia) sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir dalam bidang Pengajian Islam.

Beliau kemudian menyambung pelajaran peringkat sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan memperoleh Doktor Fal-safah (PhD) dari Universiti Edinburgh, United Kingdom.

Selain mengekalkan bekas Pengarah Ja-

batan Hal Ehwal Khas Perak, Najmuddin Elyas Al-Hafiz (Batu Kurau), Perak tidak ketinggalan mengemukakan calon baru daripada aliran agama. Ia termasuk Mohd Nizar Zakaria, graduan bidang pendidikan daripada Institut Agama Islam Negeri Padang, Indonesia yang akan bertanding Parliment Parit.

Setakat ini, calon Pilihan Raya Umum 2004 daripada kalangan tokoh agama yang dikekalkan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin di Parliment Besut dan bekas Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Che Min Che Ahmad (Pasir Putih).

Bekas Imam Besar Masjid Negara, Datuk Pirdaus Ismail yang tewas kepada Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Parliment Permatang Pauh pada pilihan raya umum lalu dicalonkan sekali lagi dalam usaha BN menawan kubu kuat pembangkang itu.

Mereka yang digugurkan termasuk satutunya tokoh agama wanita yang juga bekas pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Datuk Dr Mashitah Ibrahim yang mengalahkan bekas Imam Besar Masjid Negara, Datuk Taib Azamudden Md Taib dengan majoriti 4,100 undi, pada pilihan raya umum lalu.

Turut digugurkan ialah bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Amran Kasimin (DUN Bangi) dan Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin yang mengalahkan calon Pas, Datuk Dr Hassan Mohd Ali Parliment Parit Buntar, pada 2004.

Tidak ketinggalan, Kedah turut menampilkkan calon baru berlatar belakang perundangan Islam dengan menampilkan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Hasbullah Lebai Isa yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Perundangan Islam dan Sya-

riah Universiti Kebangsaan Malaysia kan kepada aspek akidah dan ibadat saja tetapi turut memberi penumpuan dari segi pembinaan prasarana asas yang penting dalam memenuhi keperluan rakyat," katanya.

Pemilihan lebih ramai calon yang berlatarbelakangkan agama di kalangan profesional membuktikan kesungguhan BN menterjemahkan hasrat menekankan kepentingan agama melalui barisan kepemimpinannya.

Walaupun kebanyakannya adalah muka baru yang belum lagi diuji kemampuan daripada segi kepemimpinan, ilmu yang dimiliki serta semangat untuk membawa perubahan kepada masyarakat diyakini sebagai kelebihan bagi mereka mendapat kepercayaan rakyat.

Masyarakat hari ini memang cenderung untuk memilih pemimpin yang bukan saja boleh membangunkan prasarana, malah membimbang orang di bawahnya dengan amalan serta nilai murni yang digalakkan Islam.

Asraf berkata, kehadiran beliau sebagai calon BN Kelantan adalah sebagai nilai tambah dalam gelombang arus politik Kelantan hari ini yang ingin mempromosikan perjuangan berdasarkan kasih sayang dan membuang budaya berdendam serta suka berpecah.

Katanya, jika selama ini masyarakat diselwengkan dengan tanggapan bahawa Islam hanya berkaitan solat, puasa dan zakat saja, beliau berasaskan bertanggungjawab untuk menjelaskan bahawa pembangunan ekonomi, pendidikan dan peluang pekerjaan adalah perjuangan Islam.

"Kehadiran saya di Tumpat untuk membuktikan kerajaan tidak pernah meminggirkan perjuangan Islam. Selama 50 tahun membina negara, pemimpin sudah melaksanakan seperti dilakukan Rasulullah SAW ketika membina kerajaan Islam Madinah. "Rasulullah SAW tidak hanya menekan-

pembinaan prasarana asas yang penting dalam memenuhi keperluan rakyat," katanya. Beliau yang mengakui sudah bersedia memikul tanggungjawab berkata, usaha melakukan perubahan tidak dapat dicapai sekilip mata atau dalam tempoh singkat sebaliknya perlu dilakukan secara berperingkat dan berterusan.

Justeru, katanya, beliau tidak mahu terlalu bercita-cita tinggi dan akan memastikan setiap yang dilakukan berasaskan kemam-puan terutama dalam membina budaya baru yang meletak Islam melangkaui kepentingan kuasa.

Asraf berkata, berdasarkan maklum balas diterima daripada masyarakat yang menghadiri sesi ceramahnya yang sudah bermula, mereka menerima pendekatan digunakan untuk menonjolkan imej Islam tidak berasaskan kebencian.

Calon Parlimen Parit, Mohd Nizar berkata, keperluan kepada pemimpin aliran agama adalah untuk membantu kerajaan memberi penjelasan dalam pelbagai isu dan pada masa sama, melaksanakan tugas dakwah mengajak mereka melakukan kebaikan.

Bekas Pengetua Maahad Al-Aziz itu berkata, tidak dinafikan calon memiliki ilmu agama mudah untuk mendekati seterusnya diterima masyarakat kerana kecenderungan mereka yang menginginkan manfaat daripada pembangunan dunia dan akhirat.

"Pemimpin memikul amanah dan bagi kami yang memiliki latar belakang agama, memang patut untuk bersama pemimpin sedia ada menunaikan amanah dan berusaha mencapai hasrat kerajaan membina modal insan berkualiti demi bangsa, agama dan negara," katanya.